

'30 minit air naik paras dada'

SEORANG lagi mangsa, Zalifah Mohd Ramli, 43, berkata, paras air naik mendadak menyebabkan penduduk kampung tidak sempat bersedia malah ada yang terperangkap di dalam rumah.

Menurutnya, tidak sampai 30 minit air sudah mula melimpah dan tidak lama kemudian memasuki rumah penduduk yang berada berhampiran sungai.

"Semua terkejut sebab air cepat naik. Pada waktu itu saya melihat bahagian belakang rumah kerana bimbang air datang dari sana. Apabila saya pergi semula ke halaman rumah, saya lihat paras air sudah tinggi dan hampir melimpah. Selang beberapa minit selepas itu, air sungai mula melimpah.

"Rumah di kawasan belakang lebih teruk kerana kawasan situ rendah. Air sampai ke paras dada. Kasihan lihat warga emas terpaksa redah air dalam kesejukan," katanya.

Zalifah berkata, dia akan membuat aduan rasmi berhubung perkara itu dan meminta pihak berkaitan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah itu.



- 20 rumah terlibat
- 40 mangsa
- Pusat

pemindahan banjir ditutup jam 2.30 petang semalam

Menurutnya, penduduk ada menerima bantuan setiap kali selepas banjir namun mereka mengharapkan isu banjir tidak lagi timbul di kawasan mereka selepas ini.

"Kalau pihak terlibat enggan berbuat sesuatu untuk atasi banjir, sediakan penempatan baharu kepada kami. Saya rasa ramai penduduk akan setuju. Kawasan ini ada warga emas malah ada yang sakit. Bila banjir, dalam sakit-sakit mereka terpaksa redah air dan selamatkan barangan mereka. Jadi, tindakan segera harus diambil.

"Kami hargai semua bantuan wang ringgit namun ia tiada kesudahan kalau begitu caranya. Kami harap tumpukan pada langkah-langkah mengelakkan banjir berlaku lagi di sini," katanya.